



DATUK Seri Dr. Mahathir Mohamad meneliti traktor kecil yang dikeluarkan oleh Thailand semasa melawat ke kilangnya semalam.

Perdana Menteri berkata, Malaysia akan mengimport beberapa traktor itu kerana ia lebih ringan, sesuai untuk kerja di estet-sawah. — Gambar Berita Harian.

PM jamin hubungan tetap baik

BANGKOK, Khamis — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan Kerajaan tidak akan membiarkan sesuatu pihak di Malaysia menjalankan usaha yang boleh menjejaskan hubungan baik antara Malaysia dan Negeri Thai.

Bellau menyatakan sekali lagi, Malaysia tetap tidak mengamalkan sikap membantu pergerakan menentang Kerajaan dalam negara-negara lain atau di antara jiran-jirannya.

Menurut Perdana Menteri, apa jua masalah yang timbul kerana gerakan penganas-penganas komunis dan pihak lain di Negeri Thai adalah masalah dalam negeri itu.

Tetapi, Malaysia merasakan kesan-kesan dari gerakan-gerakan itu mungkin akan merebak ke negeri kita sendiri.

"Kita merasakan perlu untuk memahami masalah itu. Pada amnya, kedua-dua negara mema-

hami pendirian masing-masing dan percaya boleh menyelesaikan masalah yang mungkin timbul", katanya.

Perdana Menteri hari ini, mengadakan sidang akhbar sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur setelah melawat Negeri Thai selama dua hari.

Selepas sidang akhbar itu, beliau bersama Datin Seri Dr. Siti Hasmah berangkat mengadap Raja Bhumipol Adulyadej dan Permaisuri Sirikit di Istana Dusit.

Perdana Menteri Thal, Jeneral Prem Tinsulanonda juga hadir.

Waktu menjawab satu soalan dari pemberita, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, walaupun Jeneral Prem sendiri tidak meragui sikap Malaysia, ada setengah-setengah pihak yang mengesyaki Malaysia membantu golongan penentang di selatan Negeri Thai.

Perdana Menteri kemudian menjelaskan keadaan yang sama juga mungkin timbul di Malaysia tetapi beliau me-

negaskan pendirian Kerajaan berkenaan isu itu adalah jelas.

Bellau memberitahu para wartawan, perbincangannya dengan Jeneral Prem semalam tidak mengambil masa yang lama kerana terdapat hanya satu atau dua masalah sahaja antara kedua-dua negara.

Kedua-dua Perdana Menteri berbincang selama lebih kurang 40 minit sebaik sahaja rombongan Datuk Seri Dr. Mahathir tiba di hotel tempat menginap. Ini diikuti oleh perbincangan peringkat pegawai.

Datuk Seri Dr. Mahathir menambah bahawa waisu Kampuchea diberi perhatian lebih ketika perbincangan dengan Jeneral Prem.

Perdana Menteri berkata, Malaysia tidak mengamalkan sikap memberi bantuan ketenteraan kepada mana-mana pihak di luar negeri. Sebaliknya, bantuan yang diberikan adalah bantuan moral dan politik, lebih-lebih lagi di peringkat antarabangsa.

No. 9

No. 1